

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**ATP 201 - Kaedah Penyelidikan Perniagaan**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensel 2B.

**KERTAS SOALAN BAGI BAHAGIAN A TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

..2/-

**Bahagian A (WAJIB)**

Soalan 1

1. Seorang penyelidik membahagikan populasi pengguna kepada tiga kumpulan berdasarkan tahap penggunaan. Jika penyelidik mengambil satu sampel rawak dari setiap kumpulan secara tak bersandar, dia telah mengambil sampel \_\_\_\_\_
  - (a) rawak.
  - (b) berstrata.
  - (c) pertimbangan.
  - (d) kelompok.
  - (e) kuota.
  
2. \_\_\_\_\_ adalah ahli dalam **sesuatu** sampel.
  - (a) Strata
  - (b) Elemen
  - (c) Subj ek
  - (d) Unit
  - (e) Strata
  
3. Yang **mana** satu **dari** yang berikut bukan ukuran kecenderungan memusat?
  - (a) Julat.
  - (b) Mod.
  - (c) Median.
  - (d) Min.
  - (e) Semua adalah ukuran kecenderungan memusat.
  
4. Ciri dalam populasi yang diukur adalah:
  - (a) pembolehubah.
  - (b) statistik.
  - (c) parameter.
  - (d) nombor.
  - (e) tiada jawapan.
  
5. Yang **mana** satu dari yang berikut mewakili sisihan piawai sampel?
  - (a)  $s$
  - (b)  $\mu$
  - (c)  $\sigma$
  - (d)  $s^2$
  - (e)  $sd$

6. Statistik tak bet-parameter adalah bersesuaian bila
- (a) data berbentuk nisbah
  - (b) taburan pensampelan tidak normal.
  - (c) saiz sampel adalah besar
  - (d) semua di atas
  - (e) tiada jawapan
7. Kebarangkalian menerima hipotesis nol bila ia adalah benar sama dengan:
- (a) alpha (a).
  - (b) 1 tolak alpha (a).
  - (c) alpha (a) tolak 1.
  - (d) beta ( $\beta$ ).
  - (e) Kosong.
8. Yang mana satu dari prosedur berikut **TIDAK** terdapat dalam analisis deskriptif dalam perisian SPSS?
- (a) Frequencies
  - (b) Descriptives
  - (c) Explore
  - (d) Crosstabs
  - (e) Means
9. Analisis bivariat yang bersesuaian bila data berbentuk skala nisbah, saiz sampel 144 dan terdapat 3 kumpulan adalah:
- (a) ujian t
  - (b) ujian khi kuasa dua
  - (c) ujian **anova satu hala**
  - (d) ujian z
  - (e) ujian M-W
10. Memeriksa data untuk meneliti kekonsistensian dan maklumat yang tertinggal boleh diklasifikasikan sebagai:
- (a) mengaudit
  - (b) mengedit
  - (c) **analisis ketepatan**
  - (d) pengekodan
  - (e) pemasukan data

11. Jika **soalan** penyelidikan dinyatakan sebagai berikut “Adakah pembeli akan membeli lebih **banyak** produk **kita** sekiranya pembungkusan berwarna biru atau perak?“, jenis penyelidikan yang paling sesuai adalah :
- (a) penerokaan
  - (b) deskriptif
  - (c) sebab-musabab
  - (d) penjelasan
  - (e) tiada jawapan
12. Penyelidikan penerokaan boleh melibatkan semua dari yang berikut kecuali:
- (a) tinjauan orang yang berpengalaman
  - (b) data sekunder
  - (c) kajian kes
  - (d) eksperimen
  - (e) kumpulan fokus
13. Dua sumber utama ralat tinjauan adalah:
- (a) ralat rawak pensampelan dan ralat rekabentuk
  - (b) ralat rawak dan ralat pensampelan
  - (c) ralat sistematik dan ralat rawak keputusan
  - (d) ralat bias dan ralat sistematik
  - (e) ralat rawak pensampelan dan ralat sistematik
14. Skala yang berikut paling sesuai dijelaskan sebagai \_\_\_\_\_
- Apakah tahap kepuasan anda dengan komputer IBM?
- Sangat berpuashati    7   6   5   4   3   2   1   Sangat tidak berpuashati
- (a) skala numerik
  - (b) pembezaan semantik
  - (c) skala Likert
  - (d) skala stapel
  - (e) skala grafik

15. Pertimbangkan soalan yang berikut: "Jika anda memiliki rumah, apakah nilai anggarannya?".

RM30,000 - RM50,000  
RM50,000 - RM70,000  
RM70,000 - RM100,000  
RM100,000 - RM130,000

Yang mana antara berikut kritikan yang sah?

- (a) Kategori tidak saling eksklusif
  - (b) Senarai adalah saling habisan
  - (c) Dua soalan ditanya pada satu masa
  - (d) Semua
  - (e) adanc
16. Jenis soalan yang paling berguna bila seseorang penyelidik menjalankan penyelidikan penerokaan adalah:
- (a) Benar-Palsu
  - (b) Anika pilihan
  - (c) Terbuka
  - (d) Semua di atas
  - (e) Tiada satu pun dari di atas
17. Keperluan pengkodan adalah apabila set kategori:
- (a) Saling habisan.
  - (b) Sesuai.
  - (c) Saling eksklusif.
  - (d) Didefinisikan sebagai dimensi tunggal
  - (e) Semua di atas.
18. Yang mana satu dari yang berikut adalah ujian berparameter yang boleh digunakan dengan dua sampel yang tidak bersandar?
- (a) ujian z
  - (b) ujian t
  - (c) ujian khi kuasa dua
  - (d) ujian f
  - (e) jawapan a, b dan d
19. Indeks terbaik untuk mengukur varians yang dikongsi adalah:
- (a) r
  - (b)  $r^2$
  - (c) Multiple r
  - (d) t
  - (e)  $\chi^2$

20. Dalam mempertimbangkan perhubungan antara pembolehubah, terdapat 3 perhubungan yang boleh dilihat:
- (a) Simetri, timbal balik, bukan simetri
  - (b) Simetri, separa simetri, simetri **penuh**
  - (c) Terus, neutral, **songsang**
  - (d) Arah **sama**, tiada **perubahan**, arah bertentangan
  - (e) Tiada satu pun **dari di atas**
21. Sebagai langkah **pertama** dalam aplikasi kaedah saintifik, kita mestilah menyatakan hipotesis.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
22. Telahan dan memahami sesuatu adalah dua tujuan sesuatu teori.
- (a) Benar
  - (b) Palsu
23. Hipotesis adalah **proposisi** dalam bentuk yang paling abstrak.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
24. Untuk membuat telahan sesuatu fenomena, kita mestilah mempunyai penjelasan kenapa pembolehubah bertindak sebegini rupa.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
25. Penyelidikan adalah **suatu** proses yang **berterusan**.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
26. Dalam kutipan data, pra-ujian **bermaksud** **suatu** sampel kecil data dikumpul untuk menguji **prosedur analisis** yang akan digunakan dalam penyelidikan.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
27. Penyelidik yang **ingin** mendapatkan jawapan kepada persoalan siapa, apa, bila, di **mana** dan bagaimana akan menjalankan penyelidikan deskriptif.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.

28. Oleh kerana tujuan utama penyelidikan sebab-musabab adalah untuk mengenalpasti perhubungan sebab dan akibat, ia selalunya mendahului penyelidikan penerokaan atau deskriptif.
- (a) Benar.  
(b) Pal su.
29. Penyelidikan penerokaan memberikan bukti yang mencukupi untuk menentukan sesuatu tindakan yang khusus.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
30. Suatu laporan penyelidikan yang baik mestilah menumpu kepada pemerincian aspek teknikal penyelidikan dan juga perihal kaedah penyelidikan yang digunakan.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
31. Data sekunder jarang sekali dapat dikumpul dengan lebih cepat dan dengan kos yang lebih rendah berbanding data primer.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
32. Pembolehubah bersandar dijangka akan mempengaruhi pembolehubah tak bersandar.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
33. Hipotesis adalah proposisi yang telah terbukti yang menekankan jawapan yang mungkin kepada soalan penyelidikan.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
34. Fasilitator kumpulan fokus yang baik selalunya mempunyai senarai soalan yang perlu dijawab oleh setiap ahli kumpulan fokus.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.
35. Saiz yang terbaik (ideal) untuk kumpulan fokus adalah 3 4 orang.
- (a) Benar.  
(b) Palsu.

34. ProQuiz merupakan suatu pengkalan data penyelidikan yang sangat berguna untuk mendapatkan maklumat mengenai penyelidikan orang lain.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
37. Data sekunder boleh menjadi tidak berguna dengan cepat.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
38. Data dan maklumat adalah sama.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
39. Penyelidik boleh menjangka untuk mendapat kadar respons sebanyak 95% setiap masa.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
40. Satu bentuk kajian longitudinal adalah kajian panel.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
41. Jika enam puluh peratus individu menghantar balik borang soal selidik yang lengkap kita boleh katakan bahawa kadar respons kita adalah empat puluh peratus.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
42. Penyelidik yang menjalankan penyelidikan di pusat membeli belah boleh menjangka untuk mendapat sampel yang mewakili.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
43. Contoh klasik ukuran nominal adalah skala suhu dalam Fahrenheit.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
44. Jenis skala yang digunakan dalam penyelidikan akan mempengaruhi bentuk analisis statistik yang boleh digunakan.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.



45. Kaedah ujian-ujian semula (test-retest) digunakan untuk menguji kekonsistensian dalam suatu **ukuran** pelbagai item.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
46. Kesahan adalah syarat penting untuk kebolehpercayaan.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
47. Konsep seperti “bekerja” dan “tidak bekerja” adalah mudah dan senang untuk diukur.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
48. Skala Likert boleh mengandungi beberapa item untuk membentuk indeks.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
49. Pensampelan kuota adalah satu bentuk pensampelan kebarangkalian.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.
50. Banci adalah subset kepada populasi.
- (a) Benar.
  - (b) Palsu.

[ 40 markah ]

**Bahagian B : (WAJIB)**

**Soalan 2**

Berdasarkan kepada senario yang diberikan di bawah, nyatakan bagaimana seorang penyelidik harus merekabentuk **penyelidikan** dengan menentukan setiap dari yang berikut: **(dengan memberikan sebab)**

- (a) Tujuan Penyelidikan
- (b) Sejauh **mana campurtangan** (kuasa) penyelidik
- (c) Persekitaran kajian
- (d) Dimensi **Masa**
- (e) Unit analisis

### Senario

Seorang ketua **baris** pengeluaran (line leader) kilang MOTORIA berpendapat bahawa hawa **dingin** yang tidak bersesuaian merupakan **punca utama** pengurangan dalam produktiviti bar-is pengeluaran beliau. Beliau membentangkan pendapat beliau kepada **pengurus** pengeluaran. Selepas berbincang dengan pihak pengurusan atasan, **pengurus** pengeluaran memutuskan untuk membuat penyelidikan **sama ada** pendapat ketua **baris** pengeluaran **tadi** benar atau tidak. Beliau membawa tiga bat-is pengeluaran ke kilang MOTORIA di Amerika Syarikat. Bar-is pertama ditempatkan dalam proses pengeluaran dengan hawa **dingin** yang **rendah**, bat-is kedua dengan hawa **dingin** sederhana dan **baris** ketiga dengan hawa dingin tinggi.

[ 10 markah ]

### Soalan 3

En. Mat Jenin seorang penyelidik di **salah** sebuah institusi pengajian tinggi menyatakan dalam **salah** satu kertas penyelidikannya bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi komitmen kepada organisasi antara yang terpenting adalah tahap pekerjaan, umur **dan** tempoh perkhidmatan seseorang dalam syarikat. Beliau juga menyatakan bahawa dengan peredaran masa faktor yang di senaraikan di **atas** akan membentuk kesetiaan kepada organisasi yang akan seterusnya meningkatkan komitmen kepada **organisasi**. Walaubagaimanapun beliau mengatakan bahawa perhubungan ini hanyalah benar **bagi** mereka yang tidak mempunyai sikap suka menukar kerja.

Berdasarkan penjelasan di **atas** jawab **soalan** yang berikut:

- (a) Apakah pernyataan masalah dalam keadaan ini?
- (b) Bentuk satu kerangka teori yang bersesuaian.
- (c) Bentuk 4 hipotesis yang boleh diuji.

[ 10 markah ]

### Soalan 4

Dengan **memberikan** contoh **yang sesuai**, terangkan setiap yang berikut:

- (a) Beza antara **compute** dan recode dalam **fungsi** Transform perisian SPSS..
- (b) Ujian **anova** 1 **hala**.
- (c) Beza **antara** konsep dengan konstruk.
- (d) Kenapa **kita** perlu mengambil sampel?
- (e) **Punca** ralat dalam pengukuran

[ 20 markah ]

1 I/-

Soalan 5

Syarikat Adibah International, sebuah syarikat jualan melalui mel menggunakan katalog menjual peralatan komputer **peribadi**, perisian dan perkakasan mengendalikan sebuah gudang berpusat di Kuala Lumpur untuk mengedarkan kesemua pesanan produknya ke seluruh Malaysia. Pihak pengurusan sedang meneliti proses pengedaran dari gudang ini dan **ingin** mengkaji **faktor-faktor** yang mempengaruhi kos pengedaran gudang tersebut. **Pada masa ini**, suatu yuran **kecil** ditambah untuk setiap pesanan tidak kira berapa jumlah nilai pesanan yang di buat. Data **telah** di kumpul selama 24 bulan menunjukkan kos pengedaran, jumlah jualan, bilangan pesanan dan bilangan jurujual . Data itu telah di analisis dengan menggunakan perisian SPSS **dan** output **adalah** seperti di bawah:

\*\*\*\* MULTIPLE REGRESSION \*\*\*\*

Bulan	Kos Pengedaran (RM000)	Jumlah Jualan (RM000)	Bilangan Pesanan	Bilangan Jurujual
1	52.95	386	4015	12
2	71.66	446	3806	12
3	85.58	512	5309	15
22	53.71	389	3708	12
23	89.18	547	5387	15
24	66.80	415	4161	18

## Regression

### Descriptive Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
Kos Pengedaran	71.2613	12.9311	24
Jumlah Jualan	456.50	81.53	24
Bilangan Pesanan	4393.00	737.08	24
Bilangan Jurujual	15.96	3.84	24

### Correlations

		Kos Pengedaran	Jumlah Jualan	Bilangan Pesanan	Bilangan Jurujual
Pearson Correlation	Kos Pengedaran	1.000	.842	.919	.321
	Jumlah Jualan	.842	1.000	.800	.212
	Bilangan Pesanan	.919	.800	1.000	.316
	Bilangan Jurujual	.321	.212	.316	1.000
Sig. (1-tailed)	Kos Pengedaran	.000	.000	.000	.063
	Jumlah Jualan	.000	.000	.000	.160
	Bilangan Pesanan	.000	.000	.000	.066
	Bilangan Jurujual	.063	.160	.066	
N	Kos Pengedaran	24	24	24	24
	Jumlah Jualan	24	24	24	24
	Bilangan Pesanan	24	24	24	24
	Bilangan Jurujual	24	24	24	24

### Variables Entered/Removed<sup>a</sup>

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Bilangan Jurujual, Jumlah Jualan, Bilangan Pesanan <sup>a</sup>		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: Kos Pengedaran

### Model Summary<sup>a</sup>

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.937 <sup>a</sup>	.878	.860	4.6435	2.303

a. Predictors: (Constant), Bilangan Jurujual, Jumlah Jualan, Bilangan Pesanan

b. Dependent Variable: Kos Pengedaran

**ANOVA<sup>b</sup>**

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	3376.702	3	1125.567	47.960	.000 <sup>a</sup>
	Residual	469.161	20	23.459		
	Total	3645.663	23			

a. Predictors: (Constant), Bilangan Jurujual, Jumlah Jualan, Bilangan Pesanan

b. Dependent Variable: Kos Pengedaran

**Coefficient<sup>3</sup>**

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Collinearity Statistics	
		B	Std. Error	Beta			Tolerance	VIF
1	(Constant)	-4.192	6.749		-.621	.542		
	Jumlah Jualan	4.800E-02	.021	.303	2.316	.031	.358	2.796
	Bilangan Pesanan	1.161 E-02	.002	.662	4.917	.000	.337	2.966
	Bilangan Jurujual	.160	.278	.047	.575	.572	.895	1.117

a. Dependent Variable: Kos Pengedaran

**Collinearity Diagnostic<sup>3</sup>**

Model	Dimension	Eigenvalue	Condition Index	Variance Proportions			
				(Constant)	Jumlah Jualan	Bilangan Pesanan	Bilangan Jurujual
1	1	3.940	1 .000	.00	.00	.00	.00
	2	3.91 OE-02	10.037	.01	.05	.02	.86
	3	1.596E-02	15.709	.99	.09	.05	.10
	4	5.358E-03	27.116	.00	.86	.92	.04

a. Dependent Variable: Kos Pengedaran

**Residuals Statistics<sup>a</sup>**

	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	N
Predicted Value	46.2552	93.0607	71.2613	12.1166	24
Residual	-9.9066	6.3466	<b>-4.74E-15</b>	4.5165	24
Std. Predicted Value	-1.699	1.799	.000	<b>1.000</b>	24
Std. Residual	-2.045	1.724	.000	.933	24

a. Dependent Variable: Kos Pengedaran

Berdasarkan output di atas jawab soalan berikut:

- (a) **Bentukkan** persamaan regresi berganda yang bersesuaian.
- (b) Tafsirkan koefisien penentuan.
- (c) Ramalkan aras Kos pengedaran **sekiranya**:

Jumlah Jualan	=	325,500
Bilangan Pesanan	=	3,850
Bilangan Jurujuwal	=	18

- (d) **Dapatkan** ketiga-tiga pembolehubah di atas menjelaskan variasi dalam kos pengedaran **secara** bererti?
- (e) Tentukan **sama ada** setiap pembolehubah mempunyai kesan terhadap kos pengedaran.
- (f) Terangkan **fungsi** statistik Durbin-Watson.
- (g) Apakah cadangan yang **anda** boleh berikan kepada pihak pengurusan dalam merangka polisi pengedaran mereka?

[ 20 markah ]